

# Tingkat motivasi guru tahfiz

**Muar:** Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Muar, di sini, menganjurkan Kursus Profesionalisme Guru-Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) bagi meningkatkan motivasi dalam kalangan guru tahfiz mendepani cabaran mendidik pelajar masa kini.

Pengetuannya Hatina Yacob berkata, kursus itu bertujuan meningkatkan pengetahuan guru tahfiz mendidik dan membimbing pelajar selain memberi pendedahan kepada mereka mengenai tanggungjawab dan etika kerja.

Menurutnya, sekolahnya terpilih sebagai perintis program itu di Johor bertujuan melahirkan cendekiawan dan ilmuwan yang mantap dalam pelbagai bidang ilmu

termasuk sains dan teknologi selain aspek keimanan dan ketakwaan.

“Peserta dibimbing Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Dr Khairul Anuar Mohamad.

“Melalui kursus ini, ia diharapkan mewujudkan jaringan antara USIM dengan Maahad Muar, sekali gus mengeratkan silaturahim dalam kalangan guru selain melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai murabbi ummah,” katanya ditemui, semalam.

Katanya, guru tahfiz perlu seiring dengan perkembangan semasa dan sentiasa berusaha menambah dan memperkasa ilmu mereka dalam pelbagai bidang.



**PESERTA** kursus bersama Dr Khairul Anuar (duduk dua dari kiri).